

02 MAY 1998

Mahathir-Gaji

GAJI KAKITANGAN TIDAK MUNGKIN DINAIKKAN SEMASA KEGAWATAN

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegawatan ekonomi yang melanda negara masa kini tidak memungkinkan kenaikan gaji kakitangan kerajaan.

Ini kerana pendapatan kerajaan hasil daripada percukaian semakin berkurangan dan akan terus berkurangan sekiranya masalah ekonomi itu berpanjangan, katanya.

"Saya syak bahawa pendapatan kerajaan semakin berkurang dan oleh itu, mustahil bahawa gaji kita akan dinaikkan," katanya semasa melancarkan Hari Q (Kualiti) Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, keuntungan yang diperolehi syarikat-syarikat kini berkurangan berbanding dulu dan keadaan ini menyebabkan jumlah cukai yang dibayar kepada kerajaan juga semakin kecil.

"Sebagai contoh Sime Bank, dulu untung sampai RM2 billion. Kali ini ia rugi, bermakna kerajaan kehilangan (kutipan) cukai sebanyak RM56 juta, iaitu cukai 28 peratus yang dikenakan bagi sektor korporat.

Menurut beliau, pengurangan keuntungan oleh syarikat bukan hanya menyebabkan pembuangan kakitangan malahan menyebabkan keistimewaan yang diberi kepada pegawai atasannya dikurangkan.

Cukai import juga tidak dapat dikutip dengan banyak seperti dahulu kerana dalam keadaan sekarang, syarikat-syarikat tidak lagi mahu membeli kereta-kereta mewah, misalnya.

Menyentuh soal kualiti, Perdana Menteri berkata, ianya penting kerana peningkatan kualiti akan membawa kebaikan dan faedah kepada rakyat dan negara.

"Sekiranya kita efisien, kita akan dapat menghasilkan (kerja) lebih banyak dan bila lebih banyak dapat dihasilkan, kerajaan juga dapat banyak dan bolehlah gaji kita dinaikkan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, ada sesetengah orang yang tidak mementingkan wang ringgit tetapi lebih mengutamakan pandangan hormat orang lain terhadap kualiti kerjanya.

Orang sedemikian, katanya, berasa puas seandainya mereka dipandang tinggi kerana usaha mereka, dan dengan itu, mereka akan memberi sumbangan yang lebih bermakna.

"Namun pada akhirnya, kita dapati tiap-tiap seorang daripada kita didorong oleh "self interest". Justeru itu, kita perlu buat sesuatu untuk mendorong mereka misalnya daripada segi (pemberian) pangkat, rasa hormat, wang dan sebagainya. Ini 'natural'lah..," katanya.

Dr Mahathir turut melancarkan buku "Penggerak Jentera Pembangunan" keluaran UPP serta menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 24 orang pegawai kanan, pegawai dan kaki tangan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) dan cawangannya di seluruh negara.

Buku mengenai sejarah penubuhan dan perkembangan UPP itu memberi gambaran lebih jelas mengenai peranan dan tugas UPP serta mengimbas sumbangan besarnya dalam membantu menguruskan pelaksanaan dasar, program dan projek pembangunan negara dalam era Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali. -- BERNAMA

RA PR

